

Tahap Kesedaran Pelajar Terhadap Kebersihan Persekitaran Kolej Dan Kampus Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
(Level of Awareness of Students Towards the Cleanliness of the College and Campus at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM))

ARWANSYAH BIN KIRIN*, SHAKILA BINTI AHMAD, AHMAD SHARIFUDDIN, CHE ADENAN BIN MOHAMMAD & ESKARNI USHALLI

ABSTRAK

Kebersihan persekitaran adalah perkara yang perlu diambil berat dan ia pernah dimantapkan di bawah teras yang diterajui oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang sejajar dengan Dasar Kebersihan Negara untuk dijadikan sebagai sebuah inisiatif bagi memupuk rasa kepunyaan kesihatan dalam aspek kebersihan ke arah menjadikan rakyat Malaysia dalam melestarikan kebersihan persekitaran bagi menyokong kesejahteraan kesihatan. Namun, kebersihan persekitaran sering diabaikan oleh sesetengah masyarakat disebabkan oleh kesibukan seharian sehingga kebersihan menjadi suatu perkara yang tidak dititikberatkan. Ini dapat dilihat dari kesedaran sesebuah masyarakat terhadap kebersihan persekitaran yang semakin menurun pada zaman modern ini. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengetahui setakat manakah tahap kesedaran pelajar terhadap kebersihan lingkungan kolej dan kampus di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Bukan sahaja itu, tindakan terhadap pembersihan dalam lingkungan kolej dan kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia juga dikaji. Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang akan menerangkan situasi tertentu berkenaan tahap kesedaran pelajar terhadap kebersihan kolej dan kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Kaedah yang digunakan ialah kaedah tinjauan menggunakan instrumen soal selidik dalam talian melalui *Google Form*. Hasil kajian ini mendapati bahawa pelajar sedar terhadap kebersihan persekitaran mereka untuk kolej dan kampus dengan tahap yang memuaskan iaitu dengan purata min 3.05 bagi kolej kediaman serta purata min 3.09 bagi kampus UTHM. Oleh itu, pelajar perlu cakna dengan kebersihan persekitaran kolej dan kampus agar dapat melahirkan seseorang insan yang sihat dan sejahtera. Tambahan pula, kebersihan persekitaran merupakan suatu perkara penting yang perlu dititikberatkan terutamanya di kalangan golongan muda.

Kata kunci: *Kebersihan persekitaran, Kesedaran, Kolej, Kampus, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

ABSTRACT

Environmental cleanliness is a matter that needs to be taken seriously and it has been established under the core led by the Ministry of Housing and Local Government (KPKT) which is in line with the National Cleanliness Policy to be used as an initiative to foster a sense of belonging to health in the aspect of cleanliness towards making Malaysians in preserving the cleanliness of the environment to support healthy well-being. However, the cleanliness of the environment is often neglected by some communities due to the daily busyness so cleanliness becomes a matter that is not emphasized. This can be seen from a community's awareness of the cleanliness of the environment which is decreasing in this modern age. Therefore, the objective of this study is to find out the extent to which students are aware of the cleanliness of the college and campus environment at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Actions against cleaning within the college and campus of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia were also studied. This study is a descriptive study that will explain certain situations regarding the level of student's awareness of the cleanliness of the college and campus of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. The method used is a survey method using an online questionnaire instrument through Google Forms. The results of this study found that students are aware of the cleanliness of their environment for colleges and campuses with a satisfactory level, with an average mean of 3.05 for the residential college and an average mean of 3.09 for the UTHM campus. Therefore, students need to be aware of the cleanliness of the college and campus environment

in order to produce a healthy and prosperous person. Furthermore, the cleanliness of the environment is an important matter that needs to be emphasized especially among young people.

Keywords: Environmental cleanliness, Awareness, College, Campus, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

PENGENALAN

Secara kasar, kebersihan adalah amalan yang perlu diamalkan oleh setiap individu sejak dari kecil lagi. Kebersihan didefinisikan sebagai keadaan dan amalan yang membantu mengekalkan kesihatan dan mengelak daripada penyebaran penyakit (Water Aid, 2012). Kebersihan diri merupakan kunci kepada kesihatan mental dan fizikal setiap individu. United Nations Children's Fund [UNICEF] (2016), menyatakan kebersihan diri merangkumi kebersihan seluruh bahagian anggota badan seperti muka, rambut, badan, kaki dan tangan. Menurut Bashir dan Masih (2018) pula, kebersihan adalah satu bahagian penting dalam kehidupan bagi menjalani gaya hidup sihat.

Menurut World Health Organization (WHO) (2020), kebersihan merujuk kepada keadaan dan amalan yang membantu untuk mengekalkan kesihatan dan mencegah penyebaran penyakit. Ia bukan sahaja penting kepada setiap individu, ia juga penting kepada sekeliling, khususnya di persekitaran tempat peribadi atau tempat tinggal. Contohnya adalah rumah kediaman, sekolah, universiti, dan sebagainya. Antara kepentingan kebersihan adalah ia dapat memberikan keselesaan hidup di tempat tinggal dan persekitaran. Kepentingan menjaga kebersihan ialah dapat mewujudkan suasana yang kondusif kepada seseorang individu dan juga orang di sekeliling individu tersebut. Selain itu, dari aspek pelajar, kebersihan sekeliling dapat meningkatkan produktiviti dalam pembelajaran mereka. Apabila seorang pelajar itu peka dengan kebersihan diri dan persekitaran, kesihatan dalaman dan luaran individu tersebut juga terjamin. Tambahan lagi, pelajar juga mampu untuk fokus dalam kelas serta mempunyai minda yang cerdas jika kesihatan diri mereka dijaga dengan baik. Dengan itu, terdapat pelbagai inisiatif yang boleh dilaksanakan bukan sahaja oleh pelajar tetapi juga kerjasama antara pihak universiti dengan pelajar. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah aktiviti gotong-royong yang konsisten, aktiviti kitar semula dan kempen mingguan kebersihan dan lain-lain. Di samping itu, amalan bergotong-royong dapat memberikan kelebihan kepada setiap individu kerana ia akan memudahkan tugas atau objektif yang ingin dicapai, contohnya aktiviti gotong-royong yang dianjurkan oleh Universiti dapat memupuk amalan

kebersihan persekitaran terhadap diri seseorang pelajar dan memberi tumpuan terhadap pembelajaran.

Terdapat beberapa kes isu kebersihan yang berlaku di universiti umum di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kajian yang pernah dijalankan oleh Hasnah (2016) yang membabitkan seramai 75 responden di kafetaria UKM turut menunjukkan adanya hubungan signifikan yang positif antara kebersihan diri pengendali makanan dengan aspek makanan dalam kalangan pengguna. Pengendali makanan haruslah mengamalkan amalan kebersihan yang baik bagi memastikan pencemaran silang tidak berlaku di samping dapat menghalang daripada pelanggan terkena penyakit bawaan makanan. Selain itu, terdapat kes yang membabitkan kebersihan peralatan dan persekitaran kantin atau kafetaria yang terdapat di sebuah institusi pengajian tinggi. Seperti yang dijelaskan menerusi kajian yang dilakukan oleh Mohd Rizal dan Nurulaini (2010) berkenaan dengan servis makanan di beberapa kafetaria Kampus UTM Skudai telah membuktikan bahawa wujudnya hubungan yang positif antara kebersihan peralatan dan persekitaran dengan taraf kesihatan pelajar atau pengguna (al-Banna et al., 2022). Nabilah (2020) dalam tulisannya mengatakan bahawa minimnya simpati mahasiwa dalam menjaga kebersihan lingkungan kampus di Universitas Negeri Malang (Indonesia) padahal sudah dikeluarkan undang-undang kerajaan dan kampus tentang kebersihan lingkungan. Dalam tulisannya itu beliau menambahkan bahawa disetiap sudut kampus diletakkan tong sampah mulai dari yang berukuran kecil hinggalah yang besar, namun nyatanya tong sampah hanyalah sekedar pajangan sahaja dan budaya membuang sampah merata tempat seolah-olah budaya dan tradisi di kalangan mahasiswa, bahkan sering terlihat sampah-sampah berserakan dipersekitaran tong sampah yang sudah disediakan.

Oleh itu, usaha lebih perlu dijalankan untuk memahami tahap kesedaran pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia terhadap isu kebersihan yang berlaku di UTHM supaya isu tersebut boleh dititikberatkan bagi menjaga kebersihan universiti. Berfokuskan kepada persekitaran kebersihan pelajar, terutamanya pelajar di universiti, ia merangkumi dua tempat utama yang perlu dititikberatkan, iaitu Kolej Kediaman dan Kampus. Merujuk kepada laman sesawang rasmi daripada Universiti Malaysia

Terengganu, kolej kediaman (KK) merupakan antara komponen pengurusan di dalam pembangunan pelajar yang bertanggungjawab bagi menguruskan penempatan serta kemudahan pelajar untuk mewujudkan suasana kediaman yang selamat dan selesa. Secara umumnya, kolej kediaman merujuk kepada kawasan penginapan yang disediakan oleh pihak universiti bagi pelajar yang sedang melaksanakan pembelajaran di Universiti. Kewujudan suatu persekitaran yang selesa dan berkualiti dapat memberi motivasi secara tidak langsung kepada pelajar untuk belajar dengan tenang dan mencapai kecemerlangan masing-masing. Merujuk kepada peraturan kolej kediaman, antara salah satu peraturan yang utama adalah kebersihan rumah atau bilik merupakan tanggungjawab bersama dan penghuni hendaklah memastikan rumah atau bilik sentiasa dalam keadaan kemas dan bersih. Manakala, kampus adalah sebuah kawasan universiti atau institusi pengajian tinggi. Mengikut sesawang ensiklopedia bebas, secara tradisinya kampus merupakan suatu kawasan di mana kolej atau universiti serta bangunan institusi yang berkaitan berada, dan biasanya kampus kolej merangkumi perpustakaan, dewan kuliah, dewan kediaman, pusat pelajar atau dewan makan serta taman. Sehubungan itu, antara fasiliti yang diberikan kepada pelajar oleh pihak universiti juga merangkumi perkhidmatan bas untuk pengangkutan, cafeteria, surau, pusat kesihatan universiti, fasiliti gunasama untuk aktiviti sukan dan rekreasi. Dengan itu, penjagaan kebersihan persekitaran tempat-tempat tersebut amat penting demi menjamin kesihatan dan kesejahteraan pelajar.

TINJAUAN LITERATUR

Sepanjang kajian ini dijalankan usaha-usaha untuk mengkaji tentang tahap kesedaran pelajar terhadap kebersihan lingkungan kolej kediaman dan kampus telahpun pernah dikaji di antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Aminatuzuhariah et al., (2018) yang bertajuk: *Penglibatan Mahasiswa dalam Program Lestari di Universiti Teknologi Malaysia, Kajian Kes: Kolej Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru* yang memperhatikan dengan lebih lanjut terhadap tahap kesedaran dan penglibatan mahasiswa dengan program-program kelestarian kampus. Tambahan pula, kajian ini menyarankan mahasiswa untuk mengamalkan program lestari di kampus seperti bergotong-royong untuk menjaga kebersihan kolej, mengitar semula barangan yang boleh dikitar semula dan berusaha untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik samada di kolej ataupun di fakulti.

Selain itu, kajian ini juga menyimpulkan bahawa program-program kesedaran kebersihan perlu kerap dilaksanakan agar lebih ramai mahasiswa melibatkan diri di dalam aktiviti pembersihan kolej. Seterusnya adalah kajian yang dibuat oleh Erwin Setyo Kriswanto (2013), yang bertajuk: *Kesedaran Mahasiswa Fakultas Ilmu Keolahragaan Universitas Negeri Yogyakarta Terhadap Kesehatan Lingkungan Kampus* yang menyimpulkan bahawa, demi meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kesihatan persekitaran kampus, ia perlu mengadakan pengintegrasian konsep kurikulum berkaitan alam sekitar. Kajian ini juga mengutamakan dan memperlihatkan kewujudan sebuah kampus yang sihat, rapi, dan bersih dan dianggap ia merupakan sebuah hasrat bagi semua komuniti akademik dan masyarakat. Selain itu, kajian ini juga menyatakan tentang skop kesihatan persekitaran yang menurut Soekidjo Notoatmodjo (2003) termasuk perumahan, penyediaan air bersih, pelupusan sampah dan pelupusan kumbahan. Kajian ini juga menggalakan kampus untuk membuat program yang berkaitan dengan amalan alam sekitar seperti pembersihan, menanam pokok atau aktiviti lain yang melibatkan pelajar.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Mazlan et al., (2022) yang bertajuk: *Faktor Sikap Pelajar Dalam Peningkatan Tahap Kelestarian Kampus: Kajian Kes Universiti Kebangsaan Malaysia*, isu yang difokuskan adalah pembangunan lestari lingkungan kampus. Isu pencemaran alam sekitar dan degradasi lingkungan kolej dan kampus universiti yang disebabkan oleh penggunaan tenaga dan bahan adalah isu yang amat dibimbangkan oleh pihak universiti dan juga komuniti kampus. Kajian ini telah menunjukkan tahap kesedaran yang rendah dalam pelajar tentang Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) UKM kerana majoriti pelajar jarang mengamalkan langkah penjagaan alam sekitar. Usaha yang berterusan perlu dilakukan secara menyeluruh melalui pelbagai kempen seperti kempen kesedaran. Selain itu, kajian lepas yang dilakukan oleh Megat Abdullah et al., (2018) yang bertajuk *Penglibatan Mahasiswa Dalam Program Lestari Di Universiti Teknologi Malaysia, Kajian Kes: Kolej Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru* juga menekankan kelestarian kampus. Konsep kelestarian kampus adalah strategi untuk memperbaiki amalan lestari di dalam kampus bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar menurut kajian tersebut. Pelestarian kampus juga menyumbang kepada pengurangan pengeluaran karbon dioksida dan kesan negatif yang lain terhadap alam sekitar.

Parveen et al. (2018) mengkaji pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan dalam kalangan pelajar

di kawasan pedalaman Hussain Abad, Lahore, Pakistan. Tujuan kajian adalah menilai kebersihan diri dalam aspek pengetahuan, sikap dan amalan. Seramai 119 orang pelajar yang terlibat dalam kajian tersebut. Hasil tinjauan terhadap pengetahuan, sikap dan amalan kebersihan pelajar adalah lemah. 77.1% pelajar dilaporkan tahu tentang kebersihan diri. Secara keseluruhan, pengetahuan, sikap dan amalan mereka tentang kebersihan diri adalah lemah. Kajian Rajbhandari et al. (2018) dijalankan untuk menentukan pengetahuan dan amalan kebersihan diri dalam kalangan pelajar berumur 13 hingga 18 tahun di daerah Bhaktapur, Nepal. Sampel kajian ini terdiri daripada 339 pelajar dari empat buah sekolah. Hasil dapatan menunjukkan 88.5% pelajar dilaporkan mempunyai pengetahuan kebersihan diri yang bagus, manakala bagi amalan kebersihan diri pula, majoriti pelajar berada pada tahap sederhana dan lemah iaitu 59.9% dan 31.8%.

Di samping itu, salah satu kajian yang dilakukan oleh Hikmah et al., (2020) yang bertajuk: *Persepsi Mahasiswa Tentang Kebersihan Lingkungan Kampus*. Menurut kajian tersebut, persekitaran yang kondusif merupakan persekitaran yang bebas daripada pencemaran, bekalan air yang bersih, sanitasi alam sekitar yang mencukupi, tempat tinggal yang sihat, perancangan wilayah dengan perspektif kesihatan dan realisasinya kehidupan masyarakat yang saling membantu. Seterusnya, kajian ini menumpukan bahawa tanggungjawab membersihkan lingkungan kampus bukan hanya pada satu pihak sahaja, tetapi kebersihan lingkungan kampus merupakan tanggungjawab seluruh warga akademik yang menjalankan aktiviti harian mereka. Kesedaran tentang tanggungjawab untuk membersihkan lingkungan kampus juga amat penting dan harus ditingkatkan dalam kalangan pelajar kerana kebersihan lingkungan kampus seperti menciptakan lingkungan yang berkualiti dan berupaya dalam pencegahan penyakit dapat dicapai oleh pelajar. Menurut Erwin Setyo Kriswanto (2012) kesihatan persekitaran adalah keseimbangan ekologi terhadap pelbagai masalah kesihatan sebagai kesan hubungan interaktif antara pelbagai bahan, kekuatan, kehidupan, zat, yang memiliki potensi penyebab penyakit yang mengakibatkan perubahan persekitaran masyarakat, serta menerapkan usaha pencegahan gangguan kesihatan yang ditimbulkannya. Kesihatan persekitaran dapat ditafsirkan sebagai ilmu yang mempelajari interaksi antara persekitaran dan kesihatan manusia, tumbuhan, dan haiwan dengan tujuan untuk meningkatkan faktor persekitaran yang menguntungkan (*eugenik*) dan mengendalikannya faktor yang merugikan (*disgenik*) (Juli Soemirat 2011). Kesedaran persekitaran

merupakan kesedaran seseorang masyarakat tentang kepentingan persekitaran yang merangkumi penjagaan kelestarian kehidupan dalamnya. Selain itu, kesedaran untuk melaksanakan keseimbangan ekologi terhadap pelbagai masalah kesihatan sebagai kesan hubungan interaktif antara pelbagai bahan, kekuatan, kehidupan, zat yang memiliki potensi penyebab penyakit. Situasi tersebut akan mengakibatkan perubahan persekitaran masyarakat, serta menerapkan usaha pencegahan gangguan kesihatan yang ditimbulkannya.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam mengenal pasti tahap kesedaran pelajar terhadap kebersihan lingkungan kolej dan kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Penyelidikan secara kuantitatif digunakan kerana penggunaan bilangan statistik seramai 300 responden. Teknik yang dipilih untuk melakukan kajian tinjauan adalah dengan menggunakan soal selidik. Hal ini kerana soal selidik adalah cara yang praktikal dan paling berkesan untuk mendapatkan maklumat (Najmul Hasan & Bao Yukun, 2020). Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian tinjauan untuk mengetahui tahap kesedaran pelajar terhadap kebersihan lingkungan kolej dan kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Mengikut jadual Morgan dan Krejcie (1970) sampel kajian perlu mewakili populasi. Disebabkan pelajar tahun empat sesi 2022-2023 tersebut mempunyai seramai kurang lebih 2500 orang, justeru itu sekurang-kurangnya seramai 300 orang siswi-siswi dipilih secara rawak sebagai sampel kajian bagi mewakili populasi yang digunakan. Kajian ini menjadikan pelajar UTHM sebagai sampel kajian memandangkan mereka adalah golongan yang terdedah kepada isu kebersihan dalam lingkungan kolej dan kampus UTHM. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan persampelan rawak di mana kesemua sampel dalam populasi ini mempunyai peluang yang sama untuk terpilih menjadi responden.

Soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan data demografi responden, Bahagian B mengumpul data mengenai tahap kesedaran pelajar terhadap kebersihan persekitaran kolej kediaman manakala Bahagian C mengumpul data mengenai tahap kesedaran pelajar terhadap kebersihan persekitaran kampus. Bahagian D mengumpul data mengenai tindakan pelajar terhadap kebersihan dalam lingkungan kolej dan kampus UTHM. Bahagian A (Data Demografi) adalah soal selidik berkaitan dengan maklumat diri responden. Pengkaji

membina soalan untuk maklumat ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat latar belakang subjek kajian seperti jantina, umur, bangsa, agama, tahap pengajian dan fakulti. Soalan di bahagian B mengandungi soalan berhubung dengan tahap kesedaran pelajar terhadap kebersihan persekitaran kolej kediaman di mana responden diberi 5 pilihan item yang berkaitan dengan tahap kesedaran pelajar terhadap kebersihan persekitaran kolej kediaman dan mereka hanya boleh memilih satu pilihan yang paling hampir dengan pendapat mereka. Bahagian C pula soalan menjurus kepada tahap kesedaran pelajar terhadap kebersihan persekitaran kampus. Bahagian D mengandungi soalan tentang tindakan pelajar terhadap kebersihan dalam lingkungan kolej dan kampus UTHM. Untuk Bahagian B dan C, setiap soalan akan dikira skor dengan menggunakan skala likert di mana skala 1 adalah sangat tidak setuju, skala 2 adalah tidak setuju, skala 3 adalah sederhana,

skala 4 adalah setuju dan skala 5 adalah sangat setuju. Untuk Bahagian D, setiap soalan akan dikira skor dengan menggunakan skala likert di mana skala 1 adalah tidak pernah, skala 2 adalah jarang-jarang, skala 3 adalah kadangkala, skala 4 adalah kerap, dan skala 5 adalah amat kerap. Instrumen yang dihasilkan dalam bentuk elektronik dengan menggunakan platform *Google form* dan diedarkan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi media sosial seperti *Whatsapp* dan *Telegram*. Tempoh untuk instrumen diedarkan adalah sepanjang tiga minggu. Tahap kesedaran pelajar terhadap kebersihan lingkungan kolej dan kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang dikaji adalah menggunakan kekerapan, peratusan dan min seterusnya analisisnya menggunakan interpretasi skor min yang dikemukakan oleh Nunnally dan Bernstein (1994). Jadual interpretasi skor min adalah seperti jadual 1 di bawah:

JADUAL 1. Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

(Sumber: Nunnally dan Bernstein 1994)

Demografi Responden

Demografi peserta responden ini telah dibentuk dari segi jantina, umur, bangsa, agama, tahap pengajian dan fakulti di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia cawangan Parit Raja dan Pagoh. Jadual 1 menunjukkan bahawa terdapat seramai 157 orang (52.33%) lelaki dan 143 orang (47.67%) perempuan. Berdasarkan umur pula, kajian menunjukkan, seramai 37 orang responden (12.33%) berumur 18 tahun ke bawah, 231 orang (77.00%) berumur 19-25 tahun dan 32 orang (10.67%) yang berumur 26-30 tahun ke atas. Berdasarkan hasil kajian, daripada 300 orang responden, seramai 126 orang responden (42.00%) berbangsa Melayu, 104 orang responden (34.67%) berbangsa Cina, 43 orang responden (14.33%) berbangsa India manakala 27 orang responden (9.00%) berbangsa lain-lain. Seramai 131 orang responden (43.67%) beragama Islam, 89 orang responden (29.67%) beragama Buddha, 42 orang responden (14.00%) beragama lain-lain seperti Christian dan 38 orang responden (12.67%) beragama Hindu. Tahap pengajian responden pula menunjukkan

202 orang responden (67.33%) daripada Ijazah Sarjana Muda (Degree), 49 orang responden (16.33%) daripada Diploma, 30 orang responden (10.00%) daripada Ijazah Sarjana (Master) dan 19 orang responden (6.33%) daripada Doktor Falsafah (PHD). Merujuk kepada jadual 1, kajian menunjukkan seramai 122 orang responden (40.67%) daripada Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST), 66 orang responden (22.00%) daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), 50 orang responden (16.67%) daripada Pusat Pengajian Diploma (PPD), 25 orang responden (8.33%) daripada Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAB), 12 orang responden (4.00%) daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), 8 orang responden (2.67%) daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), 6 orang responden (2.00%) daripada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) dan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), 4 orang responden (1.33%) daripada Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) dan 1 orang responden (0.33%) daripada BBZ.

JADUAL 2. Maklumat demografi responden

Demografi Responden		Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	143	47.67
	Perempuan	157	52.33
Umur	18 tahun ke bawah	37	12.33
	19 - 25 tahun	231	77.00
	26 - 30 ke atas	32	10.67
Bangsa	Melayu	126	42.00
	Cina	104	34.67
	India	43	14.33
	Lain-lain	27	9.00
Agama	Islam	131	43.67
	Buddha	89	29.67
	Hindu	38	12.67
	Lain-lain	42	14.00
Tahap pengajian	Diploma	49	16.33
	Ijazah Sarjana Muda (Degree)	202	67.33
	Ijazah Sarjana (Master)	30	10.00
	Doktor Falsafah (PHD)	19	6.33
Fakulti	Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST)	122	40.67
	Pusat Pengajian Diploma (PPD)	50	16.67
	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM)	4	1.33
	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	66	22.00
	Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE)	8	2.67
	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP)	12	4.00
	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP)	6	2.00
	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV)	6	2.00
	Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAB)	25	8.33
BBZ	1	0.33	

(Sumber : Soal Selidik 2022)

TAHAP KESEDARAN PELAJAR TERHADAP KEBERSIHAN LINGKUNGAN KOLEJ KEDIAMAN DAN KAMPUS UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Tahap Kesedaran Pelajar Terhadap Kebersihan Persekitaran Kolej Kediaman

Berdasarkan Jadual 3 di bawah, penyata 7 “Air bertakung di permukaan tanah selepas hujan” yang memperoleh bacaan min tertinggi (Min=3.38, Sp.=1.185) sebagai isu yang sederhana tinggi. Hal ini disebabkan laluan dari kampus ke kolej kediaman selalu mengalami masalah air bertakung terutamanya selepas hujan dan mengehadkan pergerakan pelajar. Air bertakung juga boleh menyumbang kepada masalah kesihatan, iaitu penularan penyakit seperti demam denggi yang merupakan sejenis penyakit jangkitan virus yang merebak melalui gigitan nyamuk *Aedes aegypti* yang telah dijangkiti. Tempat yang menakung air sentiasa merupakan tempat pembiakan nyamuk *Aedes aegypti*. (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020) Di sebaliknya, min yang paling rendah dilihat dalam penyata 9 iaitu “Bekalan air dari sinki bilik berlumpur” (Min=2.68, Sp.=1.221) pada tahap sederhana rendah. Hal ini kerana pelajar kerap menggunakan sinki bilik untuk pembersihan peralatan makan dalam kehidupan seharian dan mudah mengabaikan penjagaan sinki. Hal ini seterusnya berlakunya sinki tersumbat disebabkan sisa makanan. Walau bagaimanapun, jumlah purata min bagi semua penyata ialah 3.05 dan mencapai tahap sederhana tinggi dalam kalangan pelajar terhadap kebersihan persekitaran kolej kediaman. Hal ini kerana, pelajar peka terhadap kebersihan kolej dan mereka prihatin akan keadaan sekeliling di mana mereka menjalankan tugas sebagai mahasiswa yang bertanggungjawab.

Tahap Kesedaran Pelajar Terhadap Kebersihan Persekitaran Kampus

Berdasarkan Jadual 4 di bawah, pernyataan 2 “Terdapat sisa makanan atas meja dan kerusi di kafe” yang memperoleh bacaan min tertinggi iaitu (Min=3.34, Sp.=1.093) sebagai isu yang sederhana tinggi. Hal ini disebabkan terdapat banyak pelajar yang tidak bertanggung jawab untuk membersihkan sisa makanan selepas makan. Tingkah laku sedemikian dapat menyebabkan kewujudan “lilati” iaitu lalat, lipas dan tikus di kawasan kafe. Menurut Ricki (2005), sisa pepejal yang tidak disimpan dengan baik boleh menjadi tempat bersarang bagi vektor penyakit seperti tikus dan lalat. Tempat sampah yang tidak bertutup,

berbau, dan dibiarkan berserakan akan dihinggap oleh lalat atau serangga lain. (Juli, 2002) Lalat biasanya membiak pada habitat di luar hunian manusia yang membusuk dan penuh dengan bakteria atau patogen. (Dantje, 2009) Walaubagaimanapun, pernyataan 1 “Meja dan kerusi di bilik pembelajaran tidak tersusun” memperoleh min yang terendah iaitu (Min= 2.73, Sp.= 1.040) dengan tahap sederhana rendah. Hal demikian kerana pelajar tidak mengambil berat akan penyusunan bilik pembelajaran yang kondusif. Bilik pembelajaran yang kondusif amat penting agar pelajar dapat menumpukan sepenuh perhatian seterusnya menggalakan pembelajaran kooperatif (Tan et al., 2013). Justeru itu, jumlah purata bagi semua pernyataan adalah 3.09 dan mencapai tahap sederhana tinggi dalam kalangan pelajar terhadap kebersihan persekitaran kampus. Hal ini demikian kerana pekerja pembersihan telah membersihkan kawasan bilik pembelajaran. Oleh itu, pelajar menganggap kawasan bilik pembelajaran adalah sentiasa bersih.

Tindakan Pelajar Terhadap Kebersihan Dalam Lingkungan Kolej dan Kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Berdasarkan jadual 5 di bawah, penyata 3 iaitu “Membuang sampah dalam tong sampah yang disediakan” memperoleh bacaan min yang paling tinggi iaitu (Min= 4.04, Sp.= 1.112) sebagai isu yang tinggi dalam tindakan pelajar terhadap pembersihan. Hal ini adalah kerana tahap kesedaran dan disiplin pelajar terhadap tindakan ini adalah tinggi. Tahap kesedaran membuang sampah ke tong sampah yang disediakan dalam kalangan pelajar selalunya dihubungkan dengan pendidikan tentang pengetahuan menjaga alam sekitar di sekolah pada masa prasekolah. Maka kanak-kanak khususnya mempunyai kesedaran untuk mengamalkan amalan penjagaan alam sekitar secara berterusan. (Jamilah,2012) Dalam kajian Gordon (2014), kanak-kanak pada peringkat prasekolah belajar untuk menghargai dunia dan pada masa yang akan datang, mereka menjadi seorang individu yang melindungi persekitaran. (Dato.J, 2020) Di sebaliknya, penyata 2 “Menyertai program kitar semula” mendapat min yang paling rendah iaitu (Min= 3.09, Sp.= 1.070). Program kitar semula merupakan program yang penting dalam mengurangkan masalah tapak pembuangan dan melindungi alam sekitar dengan mengurangkan penghasilan produk baru daripada sumber semula jadi (Chong & Mapa, 2019) Pelajar UTHM tidak kerap menyertai program kitar semula kerana pelajar UTHM meluangkan masa yang lebih banyak untuk melengkapkan tugas yang diberi dalam kursus

JADUAL 3. Tahap Kesedaran Pelajar Terhadap Kebersihan Persekitaran Kolej Kediaman

No	Penyata	n(%)					Min	Sisihan piawai	Tahap
		STS	TS	SE	S	SS			
1	Terdapat banyak alat di persekitaran kafe	22 (7.33)	45 (15)	69 (23)	79 (6.33)	48 (16)	3.33	1.198	Sederhana tinggi
2	Sinki di kafe tersumbat dan kotor	22 (7.33)	57 (19)	84 (28)	74 (24.67)	26 (8.66)	3.10	1.106	Sederhana tinggi
3	Gangguan haiwan liar dan serangga di persekitaran blok	32 (10.67)	60 (20)	88 (29.33)	60 (20)	23 (7.67)	2.93	1.137	Sederhana rendah
4	Udara di persekitaran blok tidak bersih dan berhabuk	23 (7.67)	72 (24)	83 (27.67)	62 (20.67)	23 (7.67)	2.96	1.101	Sederhana rendah
5	Pengurusan sampah yang tidak bersistematik	34 (11.33)	60 (20)	80 (26.67)	69 (23)	20 (6.67)	2.93	1.171	Sederhana rendah
6	Bekalan tong kitar semula	22 (7.33)	66 (22)	96 (32)	54 (18)	25 (8.33)	2.93	1.082	Sederhana rendah
7	Air bertakung di permukaan tanah selepas hujan	49 (16.33)	38 (12.67)	71 (23.67)	83 (27.67)	49 (16.33)	3.38	1.185	Sederhana tinggi
8	Sinki di bilik tersumbat	32 (10.67)	77 (25.67)	73 (24.33)	47 (15.67)	32 (10.67)	3.13	1.210	Sederhana tinggi
9	Bekalan air dari sinki bilik berlumpur	24 (8)	44 (14.67)	71 (23.67)	73 (24.33)	24 (8)	2.68	1.221	Sederhana rendah
10	Mesin pencuci baju di kolej kediaman kotor	43 (14.33)	56 (18.67)	73 (24.33)	60 (20)	43 (14.33)	3.11	1.249	Sederhana tinggi
Jumlah Purata		300					3.05	1.166	

(Sumber: Borang soal selidik 2022)

STS - Sangat Tidak Setuju

TS - Tidak Setuju

SE - Sederhana

S - Setuju

SS - Sangat Setuju

mereka serta mengutamakan dan menyertai program yang boleh menambah markah akademik mereka. Walau bagaimanapun, dapatan kajian oleh Zurina dan Norjan (2003) mengenai bahawa tahap kesedaran alam sekitar dalam kalangan pelajar universiti adalah pada tahap yang tinggi tetapi kesediaan pelajar untuk terlibat sama dalam mengatasi masalah alam sekitar

adalah terlalu minimum. Antara puncanya yang menyebabkan kegagalan program kitar semula adalah kerana kekurangan tindak balas daripada pelajar universiti kerana mereka tidak berminat dengan program tersebut. Tambahan pula, kekurangan pusat pengumpulan bahan kitar semula juga merupakan salah satu sebab yang menyebabkan kegagalan program kitar

JADUAL 4. Tahap kesedaran pelajar terhadap kebersihan persekitaran kampus

No	Item	n(%)					Min	Sisihan piawai	Tahap
		STS	TS	SE	S	SS			
1	Meja dan kerusi di bilik pembelajaran tidak tersusun	36 (12)	93 (31)	99 (33)	60 (20)	12 (4)	2.73	1.040	Sederhana rendah
2	Terdapat sisa makanan atas meja dan kerusi di kafe	19 (6.33)	46 (15.33)	92 (30.67)	101 (33.67)	42 (14)	3.34	1.093	Sederhana tinggi
3	Terdapat banyak lalat di persekitaran kafe	18 (6)	59 (19.67)	88 (29.33)	86 (28.67)	49 (16.33)	3.30	1.137	Sederhana tinggi
4	Kekurangan tong sampah di kafe	22 (7.33)	65 (21.67)	90 (30)	87 (29)	36 (12)	3.17	1.121	Sederhana tinggi
5	Pengendalian makanan secara tidak hygiene	19 (6.33)	62 (20.67)	96 (32)	88 (29.33)	35 (11.67)	3.19	1.089	Sederhana tinggi
6	Lantai di kafe kotor dan licin	17 (5.67)	58 (19.33)	95 (31.67)	101 (33.67)	29 (9.67)	3.22	1.047	Sederhana tinggi
7	Bekalan tong kitar semula	21 (7)	78 (26)	107 (35.67)	72 (24)	22 (7.33)	2.99	1.038	Sederhana rendah
8	Koridor di luar bilik pembelajaran bersih	23 (7.67)	58 (19.33)	86 (28.67)	80 (26.67)	53 (17.67)	3.27	1.185	Sederhana tinggi
9	Longkang bertakung dengan air	33 (11)	76 (25.33)	100 (33.33)	73 (24.33)	18 (6)	2.89	1.081	Sederhana rendah
10	Udara di persekitaran kampus tidak bersih dan berhabuk	43 (14.33)	75 (25)	108 (36)	57 (19)	17 (5.67)	2.77	1.091	Sederhana rendah
Jumlah Purata		300					3.09	1.092	

(Sumber: Borang soal selidik 2022)

STS - Sangat Tidak Setuju

TS - Tidak Setuju

SE - Sederhana

S - Setuju

SS - Sangat Setuju

semula. Oleh hal yang demikian, tindakan menyertai dalam tindakan pelajar terhadap pembersihan dalam program kitar semula hanya mencapai sederhana tinggi lingkungan kolej dan kampus.

JADUAL 5. Tindakan pelajar terhadap pembersihan dalam lingkungan kolej dan kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

No.	Item	n (%)					Min	Sisihan piawai
		TP	JR	KD	KR	AK		
1	Menjaga kebersihan tandas awam	10 (3.33)	31 (10.33)	41 (13.67)	125 (41.67)	93 (31)	3.87	1.071
2	Menyertai program kitar semula	28 (9.33)	51 (17)	111 (37)	86 (28.67)	24 (8)	3.09	1.070
3	Membuang sampah dalam tong sampah yang disediakan	12 (4)	23 (7.67)	38 (12.67)	95 (31.67)	132 (44)	4.04	1.112
4	Membuang sisa makanan di ruang yang disediakan	16 (5.33)	17 (5.67)	37 (12.33)	103 (34.33)	127 (42.33)	4.03	1.121
5	Meletakkan pinggan mangkuk di tempat yang disediakan	14 (4.67)	20 (6.67)	38 (12.67)	99 (33)	129 (43)	4.03	1.117
6	Menyertai program gotong-royong dan kempen kesedaran	25 (8.33)	48 (16)	116 (38.67)	78 (26)	33 (11)	3.15	1.083
7	Menyusun balik meja dan kerusi selepas pembelajaran	13 (4.33)	28 (9.33)	58 (19.33)	108 (36)	93 (31)	3.80	1.109
8	Mengamalkan amalan 3R (Reduce, Reuse, Recycle)	15 (5)	42 (14)	91 (30.33)	103 (34.33)	49 (16.33)	3.43	1.075
9	Melakukan penghijauan di sekitar kolej kediaman dan kampus	30 (10)	52 (17.33)	83 (27.67)	96 (32)	39 (13)	3.21	1.173
10	Menggunakan produk yang mesra alam	15 (5)	36 (12)	93 (31)	118 (39.33)	38 (12.67)	3.43	1.021
Jumlah Purata		300					3.61	1.095

(Sumber: Borang soal selidik 2022)

TP - Tidak Pernah

JR - Jarang

KD - Kadangkala

KR - Kerap

AK - Amat Kerap

Tahap Keseluruhan Kesedaran Pelajar Terhadap Kebersihan Lingkungan Kolej Kediaman dan Kampus di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Secara keseluruhannya, tahap kesedaran pelajar terhadap kebersihan persekitaran kolej kediaman di UTHM adalah sederhana tinggi dengan jumlah purata min 3.05. Seterusnya, jumlah purata min pada tahap kesedaran pelajar terhadap kebersihan persekitaran kampus di UTHM ialah 3.09, iaitu pelajar mempunyai tahap kesedaran yang sederhana tinggi dalam kebersihan di sekitar kampus. Tindakan pelajar UTHM untuk pembersihan lingkungan kolej kediaman dan kampus ialah juga pada tahap yang tinggi iaitu iaitu 3.61.

KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati tahap kesedaran pelajar terhadap kebersihan kolej kediaman dan kampus adalah pada tahap sederhana tinggi. Kesedaran pelajar terhadap kebersihan di sekeliling kolej kediaman dan kampus selalu berkaitan rapat dengan proses pembelajaran dan kesihatan pelajar. Oleh itu, pelajar seharusnya peka akan kebersihan di sekitar kolej kediaman dan kampus. Hal ini kerana, kebersihan di sekeliling dapat menjamin kesihatan pelajar dan sekaligus memberi suasana pembelajaran yang kondusif serta meningkatkan produktiviti dalam pembelajaran. Dengan ini, pelajar perlulah sentiasa mempunyai kesedaran yang kuat tentang kepentingan menjaga kebersihan persekitaran dengan berdisiplin dan melibatkan diri sendiri dalam tindakan-tindakan menjaga kebersihan tidak kira sama ada di sekeliling kolej kediaman ataupun kampus. Justeru itu, diharapkan hasil kajian ini akan menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti kebersihan di kolej dan kampus di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia seterusnya melakukan muhasabah amalan dan melaksanakan anjakan penambahbaikan dalam menjaga kebersihan diri dan persekitaran.

RUJUKAN

Al-Banna Mohamed, Sahol Hamid, Baker, Saleeza Ramlee, & Muntaha Hj Saleh. (2022). *Faktor-faktor Kebersihan Yang Mempengaruhi Tahap Kesihatan Mahasiswa: Satu Kajian Kes Di Sebuah Universiti Awam, Malaysia*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke-7 (PASAK 7 2022), Dalam Talian 22 & 23 Jun 2022

Ayup, M. T., Mohd Yusoff, A. N., Ab Majid, A., & Magiman, M. M. (2020). *Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Program 3K Di Sekolah Menengah Negeri Selangor Darul Ehsan*. Jurnal

AL-ANWAR, Volume 9(1), 51–59.

Aziz @ Abd Aziz, N. A., Sahbudin, F., & Shari, M. G. (n.d.) *Tahap Amalan Penjagaan Kebersihan Dan Gaya Hidup Sihat Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Metro Johor Bahru*. 3 Rd National Conference in Sports Co-Curriculum @PMJB.

Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. (2022). *Demam Denggi - Info Sihat | Bahagian Pendidikan Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia*. Retrieved: Disember, 2022, From: www.infosihat.gov.my. <https://www.infosihat.gov.my/demam-denggi.html>

Bashir, S., & Masih, S. (2018). School health services project on personal hygiene among school children of age 12–15 in underprivileged community in Karachi. *Biomedical Journal*, 7 (4), 1-6. DOI: 10.26717/BJSTR.2018.07.001531.

Chong, O. M., & Mapa, M. T. (2019). *Persepsi Pelajar Sekolah Menengah Bahang terhadap Program Kitar Semula*. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(33), 162–182. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.4330014>

Dato J., Mahat H., Hashim M. & Saleh Y. (2020). *Pengetahuan dan Amalan Penjagaan Alam Sekitar dalam Kalangan Pelajar Pra-Sekolah*. *Akademika* 90(1), April 2020: 3-13. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-9001-01>

Hamid, N. F. A., Yaacob, M., Ahmad, N. A., Nasir, Z. M., & Rosli, N. (2021). *Faktor-faktor Kontekstual Yang Mempengaruhi Amalan Kitar Semula Penjawat Awam Negeri Melaka (Contextual Factors Affecting the Recycling Practices of Melaka State Civil Servants)*. *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (Sea Journal of General Studies)*, 22(1), 86–103. <https://doi.org/10.17576/malim-2021-2201-07>

Hikmah, Asrial, Messakh, J. J., & Harijono. (2020). *Persepsi Mahasiswa Tentang Kebersihan Lingkungan Kampus*. *Jurnal Ilmiah Teknologi*, 14(1), 16–24.

Jaafar, F. M., & Ariffin, T. F. T. (2017). *Perkembangan Psikososial Pelajar Di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia Analisis Perbezaan Berdasarkan Jantina*. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(1), 1-9.

Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. *Educational and Psychological Measurement*.

Mazlan, M. S., Umamah, S., Mutalib, A., Choy, E. A., (2015). *Faktor Dan Sikap Pelajar Dalam Peningkatan Tahap Kelestarian Kampus: Kajian kes Universiti Kebangsaan Malaysia*. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(8), 52–65.

Megat Abdullah, A. bt., Jabor, M. K. b., Shamsuray, S. A. b., Sharudin, S. I. b., Jamaluddin, K. b., & Ahmad, M. F. b. (2018). *Penglibatan Mahasiswa dalam Program Lestari di UTM, Kajian Kes; Kolej Tun Hussein Onn, UTM, Johor Bahru*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2018.

Mustafar, F. W., Hamdan, M. H. D., Jusoh, N., & Mustafar, S. (2020). *Penjagaan Alam Sekitar*

- Menurut Maqasid Syariah dan Undang-undang.* Journal of Law and Governance, 3(1), 96–112.
- Nabilah. (2020). *Minimnya Partisipasi Mahasiswa Menjaga Kebersihan Lingkungan Kampus Universitas Negeri Malang*. Retrieved: Marc, 2023, From: <http://komunikasi.um.ac.id/2020/02/minimnya-partisipasi-mahasiswa-menjaga-kebersihan-lingkungan-kampus-universitas-negeri-malang>.
- Parveen, F., Afzal, M., Hussain, M., & Gilani, S. A. (2018). *Knowledge, attitude and practice towards personal hygiene among primary: School children of rural area of Lahore, Pakistan*. Saudi Journal of Nursing and Health Care, 1(3), 91-97.
- Pawenang, E. T. (2017). *Kondisi Sanitasi Dan Kepadatan Lalat Kantin Sekolah Dasar Wilayah Kerja Puskesmas Kedungmundu*. JHE (Journal of Health Education), 2(1), 101-106.
- Rahman, A. A., Kamaruzaman, A. N., & Rashid, S. M. R. A. (2021). *Impak Ekopelancongan Terhadap Persekitaran, Pembangunan Ekonomi, Sosial Dan Budaya Komuniti Setempat di Pantai Tanjung Kembang Kabong, Sarawak*. E-Bangi, 18(9).
- Rajbhandari, A. K., Dhaubajar, R., G. C, K. B., & Dahal, M. (2018). Knowledge and practice of personal hygiene among secondary school students of grade nine and ten. Journal of Patan Academy of Health Sciences, 5(2), 107-113.
- Sino, H., Mahadi, Z., Haron, H., Misrin, M. A., Ismail, N., & Mustapa, M. H. (2013). *Hubungan di antara Amalan Kebersihan Diri Pengendali Makanan dan Kebersihan Kafetaria di Kolej Kediaman UKM*. Jurnal Sains Kesehatan Malaysia, 11(1), 1–8. <https://dx.doi.org/10.17576/jskm-1101-2013-01>
- Sunardi, J., & Kriswanto, E. S. (2020). *Perilaku Hidup Bersih dan Sehat Mahasiswa Pendidikan Olahraga Universitas Negeri Yogyakarta Saat Pandemi Covid-19*. Jurnal Pendidikan Jasmani Indonesia, 16(2), 156–167. <https://doi.org/10.21831/jpji.v16i2.35082>
- United Nations Children's Fund. (2016). *School-based healthy living and hiv/aids prevention education for middle and high schools (teachers' guide): personal hygiene: Fifth standard (501)*. Retrieved: March, 2023, From : <https://www.unicef.org/lifeskills/files/5thGrade.pdf>
- Water Aid. (2012). *Hygiene Framework*. Retrieved: March, 2023, From: https://sswm.info/sites/default/files/reference_attachments/WATERAID%202012%20Hygiene%20framework.pdf
- World Health Organization. Regional Office for Europe. (2014, March 20). *Health aspects of air pollution with particulate matter, ozone and nitrogen dioxide : report on a WHO working group, Bonn, Germany 13-15 January 2003*. <https://apps.who.int/iris/handle/10665/107478>
- Zurina, M., & Norjan, Y. (2003). *Environment Awareness Among Students at National University of Malaysia. National Seminar Proceeding on Environment*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Arwansyah Kirin*, Shakila Ahmad, Ahmad Sharifuddin Mustapha, Che Adenan Mohammad
 Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum
 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor D.T., Malaysia.

Eskarni Ushalli
 Fakultas Syariah
 Universitas Islam Negeri Padang, Indonesia

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: arwansyah@uthm.edu.my

Diserahkan: 13 Februari 2023
 Diterima: 27 Mac 2023